

10 AUG 1996

Mahathir-Dakwaan

PM AKAN ARAH SIASAT DAKWAAN BEKAS PANGLIMA TUDM

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan mengarahkan supaya dijalankan siasatan dakwaan bekas Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mengenai pembekal dari kalangan bekas pegawai TUDM yang menjual peralatan pertahanan yang tidak bermutu kepada Angkatan Tentera Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau belum menerima maklumat mengenai kelengkapan yang dikatakan tidak sesuai dan ketinggalan zaman itu.

"Saya akan suruh pihak berkenaan mengkaji kebenaran dakwaan itu," katanya kepada pemberita selepas majlis pernikahan pasangan pengantin Annuar Ibrahim dan Juliana Alias, di Kampung Tok Senik -- sebuah pusat peranginan berkonsepkan perkampungan Melayu tradisional yang dibangunkan Kumpulan Maju -- di Mata Air, di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan akhbar yang memetik Lt Jen Datuk Seri Abdul Ghani Aziz mendakwa bekas pegawai TUDM yang menjadi pembekal senjata menjual peralatan tidak bermutu dan ketinggalan zaman.

Abdul Ghani juga dilaporkan mendakwa bahawa ada peniaga senjata yang mempunyai hubungan yang baik cuba mewujudkan sebuah "TUDM yang kecil" dan menolak keputusan tanpa pengetahuan Panglima TUDM sendiri.

Dr Mahathir berkata, siasatan yang mendalam akan dijalankan bagi memastikan kesahihan dakwaan itu.

Semalam di Kuala Lumpur, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar meminta Abdul Aziz supaya tampil untuk membantu siasatan dengan mengemukakan bukti berhubung dengan dakwaan itu.

Katanya, dakwaan itu serius kerana membabitkan keselamatan negara dan ia perlu dibuktikan bagi membolehkan kementerian mengambil tindakan tegas terhadap pihak terbabit.

-- BERNAMA

MFJ AHH